

Perkembangan Ekonomi Orang Melayu dalam Sektor Penanaman Kelapa di Selangor Sebelum Tahun 1940

The Economic Development of the Malays in the Coconut Planting Sector in Selangor Before 1940

MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI*, ZULKANAIN ABDUL RAHMAN
& NORASMAHANI HUSSAIN

ABSTRAK

Kegiatan penanaman kelapa telah diusahakan oleh orang Melayu di Selangor sebelum campur tangan British sebagai sumber makanan. Pengkomersialan tanaman kelapa pada penghujung abad ke-19 untuk dijadikan komoditi eksport bagi memenuhi permintaan sektor perindustrian di Eropah menyebabkan orang Melayu terus menunjukkan minat untuk mengusahakannya walaupun perlu mendapatkan hak milik tanah pertanian daripada British terlebih dahulu. Berbeza dengan tanaman komersial yang lain, pihak British tidak menghalang penglibatan orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa. Namun kebebasan yang diberi telah menyebabkan orang Melayu terdedah dengan perubahan ekonomi yang berlaku di pasaran antarabangsa. Justeru artikel ini bertujuan mengkaji sejauh mana penglibatan orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa yang merupakan sektor komersial baharu telah memberi impak kepada sosioekonomi mereka. Bagi membincangkan persoalan tersebut, artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis maklumat daripada Fail Setiausaha Kerajaan Selangor, Laporan Tahunan Selangor dan rekod-rekod Jabatan Pertanian. Hasil kajian mendapati penglibatan secara aktif orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa telah membawa kemajuan kepada taraf sosioekonomi mereka. Corak kegiatan ekonomi orang Melayu mengalami perubahan di mana mereka tidak hanya berperanan sebagai pekebun sahaja tetapi telah berjaya menjadi usahawan dalam industri berskala kecil yang menghasilkan produk berasaskan kelapa. Inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan usaha untuk memulihkan semula ekonomi setelah terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan orang Melayu mula terlibat dalam kegiatan memproses kelapa sekali gus membantu meningkatkan sumber pendapatan. Oleh itu dapat dinyatakan bahawa di sebalik masalah yang dihadapi telah membuka ruang kepada orang Melayu untuk mempelbagaikan lagi kegiatan ekonomi mereka seterusnya memastikan kelangsungan dalam sektor penanaman kelapa.

Kata kunci: produk kelapa; tanur; industri berskala kecil; usahawan Melayu; pertanian komersial

ABSTRACT

The coconut planting activity was cultivated by the Malays in Selangor as a food source since before British intervention in the state. The commercialisation of coconut at the tail-end of the 19th century as an export commodity to meet the demands of the industrial sector in Europe encouraged Malay interest in further cultivation, even as they required agriculture land ownership from the British first. Compared to other commercial crops, the British did not prevent Malay participation in the coconut planting sector. However, the freedom provided meant the Malays were also exposed to the economic vicissitudes in the international market. Therefore, this article aims to study the extent of Malay participation in the coconut planting sector, the new cash crop that impacted their socioeconomic standing. To discuss this question, this article uses the qualitative method by analysing information from the Selangor Secretariat Files, the Selangor Annual Reports, and records from the Agriculture Department. The findings show the active participation of Malays in the coconut planting sector led to their socioeconomic progress. The Malay pattern of economic activity transformed, whereby they not only were limited as farmers, but also as entrepreneurs in a small-scale industry producing coconut-based products. Government-led initiatives and efforts to revive the economy following the great economic depression caused Malays to begin participating in coconut processing, thus increasing their source of income. Therefore, it could be stated here that beyond the problems faced, it also opened space for Malays to diversify their economic activities, thus ensuring continuation of the coconut planting sector.

Keywords: coconut products; kiln; small-scale industry; Malay entrepreneur; commercial agriculture

PENGENALAN

Sejarah sosioekonomi negeri-negeri Melayu semasa era kolonial British masih lagi didominasi oleh perspektif *Eurocentric*. Kajian mengenai sektor ekonomi komersial khususnya pertanian terlalu memfokuskan kepada sektor perladangan getah yang terbukti dikuasai oleh pemodal Eropah. Hal ini disebabkan dasar pihak British jelas memberi keutamaan kepada pemodal Eropah dari segi pemilikan tanah untuk tanaman getah berbanding orang Melayu (Drabble, 1973:74). Namun tidak dinafikan orang Melayu turut menunjukkan minat dan berusaha untuk terlibat dalam kegiatan penanaman getah. Mereka sedar kepentingan tanaman getah sebagai sumber ekonomi utama Tanah Melayu akan memberi lebih keuntungan berbanding tanaman padi. Menurut Ooi Jin Bee (1961), keghairahan orang Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) untuk menanam getah menyaksikan pemusnahan kebun buah-buahan untuk digantikan dengan tanaman getah selain tindakan mereka menanam getah di atas tanah padi. Walau bagaimanapun, keinginan orang Melayu terhalang oleh dasar pihak British yang berusaha mengekang penglibatan mereka. Hujah seperti ketidakmampuan dari segi modal, risiko kehilangan tanah dan bimbang orang Melayu akan meninggalkan kegiatan penanaman padi yang membekalkan sumber makanan dalam negeri menjadi alasan pihak British untuk menghalang penglibatan orang Melayu dalam sektor penanaman getah (Ahmad Nazri Abdullah, 1985, 45). Buktinya, pihak British memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917 untuk memastikan orang Melayu yang memiliki tanah padi tidak mengusahakannya dengan tanaman lain (Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States, 1917; Enactment No 2 of 1915 The Rice Lands Enactment 1917). Malah Barlow (1978) menyatakan pihak British melihat orang Melayu hanya sesuai untuk meneruskan kegiatan pertanian tradisional mereka iaitu penanaman padi.

Kajian yang masih lagi tertumpu kepada tanaman getah menyebabkan sukar untuk mengenal pasti penglibatan dan kemajuan sosioekonomi orang Melayu dalam sektor pertanian komersial. Hal ini demikian kerana sifat ekonomi orang Melayu tidak menunjukkan perubahan disebabkan keperluan tanaman getah di luar kemampuan mereka (Ahmad Nazri Abdullah, 1985). Oleh itu, bagi melihat pencapaian orang Melayu, kajian seharusnya memberi perhatian kepada sektor pertanian yang sinonim dengan mereka seperti kelapa. Selain getah, kelapa juga merupakan tanaman komersial dan menjadi komoditi eksport yang mendapat permintaan menggalakkan di pasaran antarabangsa. Sejak era tradisional lagi orang Melayu telah mengusahakan tanaman kelapa sebagai salah satu tanaman utama mereka. Kebiasaannya hasil tanaman digunakan sebagai sumber makanan harian dan lebih daripadanya akan dijual di pasar tempatan untuk menambah sumber pendapatan (Kaur, 1992:173). Menjelang abad ke-20, pihak kerajaan mula memberi perhatian kepada pengkomersialan tanaman kelapa berikutan permintaannya yang semakin meningkat bagi menampung keperluan sektor perindustrian di Eropah. Selain pemodal asing, orang Melayu juga diberi galakan oleh pihak kerajaan untuk meneruskan kegiatan penanaman kelapa. Berdasarkan penelitian terhadap rekod-rekod pertanian dan tanah di Selangor, terdapat banyak permohonan mendapatkan tanah yang dikemukakan oleh orang Melayu untuk diusahakan dengan tanaman kelapa telah mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Justeru tanaman kelapa boleh dijadikan titik permulaan yang sangat penting dalam melihat perkembangan ekonomi orang Melayu dalam sektor pertanian komersial. Kajian ini akan membincangkan isu tersebut dengan menganalisis sejauh mana penglibatan orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa di Selangor sekitar awal abad ke-20 telah memberi impak kepada sosioekonomi mereka. Hasil perbincangan memberi sumbangan yang sangat penting dalam menilai kedudukan dan kemajuan yang dicapai oleh orang Melayu dalam sektor pertanian komersial.

SOROTAN KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai sektor penanaman kelapa masih belum dikaji secara mendalam dan terperinci. Didapati kajian-kajian yang dihasilkan sebelum ini bersifat naratif dengan hanya memfokuskan perbincangan kepada perkembangan tanaman kelapa semata-mata. Sebaliknya isu-isu lain yang boleh dijadikan fokus perbincangan seperti implikasi sosioekonomi terhadap para pengusahanya tidak diberi perhatian oleh pengkaji. Kajian terawal mengenai tanaman kelapa dihasilkan oleh Brown (1908: 503-504) yang disifatkan sebagai rekod sezaman kerana diterbitkan semasa sektor penanaman kelapa di NNMB sedang menunjukkan perkembangannya sebagai tanaman komersial. Brown yang dilantik sebagai *Inspector of Coconut Plantations* untuk mengetuai *Coconut Department* yang ditubuhkan pada tahun 1902 hanya menjelaskan secara ringkas mengenai potensi tanaman kelapa sebagai tanaman berorientasikan eksport dan masalah ancaman serangga perosak yang dihadapi oleh pengusaha tanaman kelapa (Selangor Secretariat File 4057/1902). Zulkanain Abdul Rahman dan Ahmad Kamal Ariffin (2012) pula memberi perhatian kepada perkembangan tanaman kelapa di Perak dan Selangor yang merupakan dua buah negeri yang produktif dengan hasil kelapa antara tahun 1900 hingga 1940. Kepentingan kelapa sebagai komoditi eksport yang mendapat permintaan menggalakkan di pasaran sehingga melonjakkan harganya telah menarik minat pemodal asing dan pekebun tempatan untuk mengusahakannya sehingga membawa kepada pembukaan tanah secara besar-besaran. Malah pihak kerajaan memberi perhatian khusus kepada pembangunan sektor penanaman kelapa dengan melaksanakan pelbagai dasar dan langkah bagi menjamin perkembangannya sebagai tanaman komersial. Kajian turut menunjukkan masalah kemelesetan ekonomi dunia sekitar tahun 1929 hingga 1935 telah menyebabkan kejatuhan harga pasaran kelapa yang berlanjutan sehingga tahun 1940.

Sementara itu, Zalikha Bahari (2016) menunjukkan galakan yang diberi oleh pihak kerajaan dan penglibatan secara aktif pemodal asing dan pekebun tempatan telah mempengaruhi perkembangan kegiatan penanaman kelapa di NNMB. Di sebalik pembukaan tanah-tanah pertanian telah membawa kepada kemasukan tenaga buruh dari luar selain mempengaruhi pembangunan kemudahan infrastruktur. Manakala Khairi Ariffin, Ramli Saadon dan Tuan Waheda Tuan Chik (2019) memfokuskan kegiatan perladangan komersial di daerah Hilir Perak melibatkan tanaman getah, kelapa, kelapa sawit, koko dan tebu antara tahun 1900 hingga 1957. Bagi tanaman kelapa, pihak kerajaan memberi galakan kepada pemodal asing dengan memudahkan pemilikan tanah dan tawaran harga yang rendah selain membangunkan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan sistem pengairan. Langkah mengedarkan risalah mengenai kepentingan tanaman kelapa pula digunakan bagi mempengaruhi penduduk tempatan untuk terlibat dalam sektor tersebut. Inisiatif pihak kerajaan berjaya menjadikan Hilir Perak sebagai kawasan penanaman kelapa utama di Perak khususnya dan NNMB umumnya dan menyumbang sebahagian besar kepada eksport produk kelapa seperti kelapa kering. Namun masalah kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan kejatuhan harga pasaran komoditi kelapa.

Walaupun beberapa kajian sedia ada menunjukkan sektor penanaman kelapa terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia, namun perbincangan hanya terhad kepada kejatuhan harga pasarnya sahaja. Sebaliknya kesan terhadap para pengusaha terutamanya orang Melayu tidak diberi perhatian. Menurut Ahmad Nazri Abdullah (1985), masalah kemelesetan ekonomi dunia yang melibatkan Tanah Melayu tidak hanya memberi kesan kepada pemodal asing sahaja tetapi turut dirasai oleh orang Melayu. Berbanding mereka yang terlibat dalam sektor penanaman padi, orang Melayu yang mengusahakan pertanian komersial seperti tanaman getah secara kecil-kecilan berhadapan dengan kesukaran disebabkan kejatuhan harga getah. Masalah ini telah mendedahkan

orang Melayu dengan aktiviti penjualan tanah akibat kegagalan membayar pinjaman. Lim Teck Ghee (1977) mempunyai pandangan sama dengan menyatakan kemelesetan ekonomi dunia yang menjejaskan ekonomi Tanah Melayu turut memberi kesan kepada orang Melayu. Keadaan ini disebabkan pengeluaran secara berlebihan hasil pertanian selain tindakan orang Melayu yang mengusahakan tanaman secara tunggal. Berdasarkan kepada kedua-dua kajian tersebut, jelas memberi gambaran bahawa kemelesetan ekonomi dunia telah memberi kesan kepada orang Melayu yang terlibat dalam sektor pertanian komersial iaitu kelapa walaupun secara kecil-kecilan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu mengenai tanaman kelapa dilihat tidak memfokuskan kepada implikasi kemelesetan ekonomi dunia kepada orang Melayu yang terlibat dalam kegiatan penanaman kelapa. Justeru kajian ini akan mengupas persoalan tersebut dengan melihat penglibatan orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa di Selangor dan mengenal pasti implikasinya kepada sosioekonomi mereka. Perbincangan dimulakan dengan meneliti perkembangan kegiatan penanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu sehingga tahun 1940. Seterusnya, perbincangan mengenal pasti implikasi kemelesetan ekonomi dunia kepada sektor penanaman kelapa dan orang Melayu. Bahagian akhir memfokuskan kepada perubahan kegiatan ekonomi orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa lanjutan daripada usaha pihak kerajaan dalam membantu menyelesaikan masalah mereka.

METODOLOGI DAN SUMBER KAJIAN

Perbincangan mengenai penglibatan orang Melayu di Selangor dalam kegiatan penanaman kelapa yang muncul sebagai tanaman komersial baharu dan implikasinya terhadap sosioekonomi mereka dibuat menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen yang terdapat di Arkib Negara Malaysia. Kaedah tersebut dilihat bersesuaian dengan fokus kajian yang melihat perkembangan kegiatan ekonomi orang Melayu dari perspektif sejarah. Justeru maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian boleh diperolehi menerusi sumber-sumber bertulis. Proses menganalisis maklumat akan dilakukan bagi mengenal pasti kesesuaiannya untuk menjelaskan isu yang dibangkitkan di dalam kajian ini seterusnya menghasilkan dapatan kajian yang tepat dan kukuh berhubung perkembangan ekonomi orang Melayu yang terlibat dalam sektor penanaman kelapa di Selangor. Maklumat yang diperolehi seperti usaha kerajaan untuk membantu meningkatkan pendapatan orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa seperti galakan menghasilkan produk berasaskan kelapa, pembinaan tanur dan penglibatan dalam sektor industri secara kecil-kecilan. Penggunaan sumber primer seperti Fail Setiausaha Kerajaan Selangor, Laporan Tahunan Selangor dan rekod-rekod Jabatan Pertanian dititikberatkan dalam menghasilkan kajian ini. Hal ini demikian kerana maklumat yang terdapat di dalam sumber-sumber tersebut bersifat asli selain merupakan rekod sezaman yang diterbitkan sebelum tahun 1940 sesuai dengan tempoh kajian. Di samping itu, sumber sekunder seperti artikel, buku dan sebagainya turut digunakan untuk membuat perbandingan pendapat dengan pengkaji terdahulu sekali gus dapat memberi perspektif baharu dan berbeza berhubung isu yang dibincangkan.

PENGLIBATAN ORANG MELAYU DALAM SEKTOR PENANAMAN KELAPA

Kelapa merupakan antara tanaman utama yang telah diusahakan oleh orang Melayu di Selangor sebelum campur tangan British. Semasa era tradisional orang Melayu bebas untuk mengusahakan pelbagai jenis tanaman kerana sistem pemilikan tanah tidak menetapkan tanaman tertentu yang perlu diusahakan. Justeru sebagai tanaman yang mempunyai pelbagai kegunaan, kelapa menjadi pilihan utama penduduk selain padi untuk diusahakan sama ada di kebun, sekitar perkarangan rumah mahupun di tepi sawah padi (Hill, 2012:49). Berdasarkan catatan Anderson mengenai negeri-negeri Melayu sekitar awal abad ke-19, seramai 500 orang penduduk di Jeram di bawah pimpinan Penghulu Allie terlibat dengan kegiatan penanaman kelapa (Anderson, 1824:173). Menjelang tahun 1870-an, kawasan di sepanjang Sungai Selangor dipenuhi dengan pokok kelapa (Gullick, 2008:83). Sebelum muncul sebagai tanaman komersial, kecenderungan orang Melayu mengusahakan tanaman kelapa disebabkan penggunaannya sebagai bahan masakan dan sumber makanan harian. Menurut Gullick:

In the nineteenth century, the Malay peasant grew coconut palms more as a source of food for himself than as an export crop. Among other uses, it provided cooking oil, fuel and sugar; it was, of course, an essential ingredient in foodstuffs such as sweetmeats. A Malay villager living on the coast of Selangor in the 1890s was likely to have some coconut palms and a fishing boat but he had lost interest in padi growing. If he grew padi it was often supplemented with a few coconut palms; five acres of padi land and twenty-five palms was reckoned to provide a family with all it needed.

(Gullick 1987:133)

Apabila hasil kelapa menjadi komoditi eksport dan dikomersialkan penanamannya menjelang tahun 1890-an, didapati penglibatan orang Melayu tidak terjejas. Berbeza dengan tanaman komersial yang lain seperti getah, pihak British tidak menghalang orang Melayu untuk mengusahakan tanaman kelapa. Walau bagaimanapun, mereka perlu mendapatkan hak milik tanah dengan mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pihak kerajaan terlebih dahulu. Syarat ini tidak hanya dikenakan kepada orang Melayu tetapi melibatkan semua pengusaha. Namun bagi orang Melayu syarat tersebut merupakan sesuatu yang baharu kerana sebelum kehadiran British, mereka bebas mengusahakan tanah untuk pertanian. Secara umumnya, dasar ekonomi British tidak menggalakkan orang Melayu untuk terlibat dalam sektor pertanian komersial. Hal ini disebabkan stigma British yang melihat ketidakupayaan orang Melayu dari segi modal, teknologi dan tenaga buruh. Justeru terdapat kebimbangan berhubung kelangsungan orang Melayu dalam sektor komersial yang sentiasa dipengaruhi oleh perubahan ekonomi di peringkat antarabangsa. Situasi ini jelas dapat dilihat dalam sektor penanaman getah di mana pihak British, “*desire to limit the freedom of Malays to deal in land, and the relatively stern treatment accorded to some of the early Asian applicants for rubber holdings...giving European enterprise undue advantage over Asians wishing to enter the industry*” (Drabble, 1973:74). Namun keadaan sebaliknya berlaku dalam sektor penanaman kelapa apabila orang Melayu diberi galakan untuk mengusahakannya. Hal ini demikian kerana tanaman kelapa merupakan alternatif pihak British untuk mengelakkan orang Melayu terlibat dalam kegiatan penanaman getah (Selangor Secretariat File 1765/1932). Namun dari satu sudut yang lain ia telah memberi peluang kepada orang Melayu untuk terlibat sama dalam sektor pertanian komersial walaupun dalam secara kecil-kecilan.

Terdapat banyak permohonan mendapatkan tanah untuk diusahakan dengan tanaman kelapa yang dikemukakan oleh orang Melayu telah diluluskan pihak kerajaan. Walaupun pada peringkat awal kemunculan tanaman kelapa sebagai komoditi eksport menyaksikan penglibatan

pemodal Eropah secara aktif, orang Melayu turut berpeluang mendapatkan hak milik tanah untuk diusahakan dengan tanaman kelapa. Contohnya pada tahun 1903, permohonan Haji Ali bin Katab dari Serendah untuk mendapatkan tanah seluas 20 ekar di Mukim Ulu Yam telah diluluskan (Selangor Secretariat File 3498/1903). Begitu juga dengan Haji Jemaat bin Haji Aris bersama-sama 89 pemohon yang lain mendapat hak milik tanah di Tanjung Karang seluas 450 ekar di mana 180 ekar daripadanya digunakan untuk menanam kelapa (Selangor Secretariat File 4632/1926). Selain keterbukaan pihak British, kebanyakan permohonan diluluskan kerana tanah berkenaan berada di dalam kawasan rizab orang Melayu. Keadaan ini memudahkan orang Melayu untuk mendapatkan tanah pertanian tanpa persaingan dengan pemodal asing. Misalnya pada September 1929, permohonan Haji Mukti bin Salaman untuk mendapatkan tanah seluas lima ekar di Tanjung Duablas telah diluluskan kerana tanah tersebut berada dalam kawasan *Labohan Dagang Malay Reservation* (Selangor Secretariat File 466/1929). Pada Mei 1930, pihak kerajaan telah memberi hak milik tanah seluas lima ekar di Ujong Permatang kepada Yacob bin Ismail yang terletak dalam kawasan *Batu Enam Malay Reservation* (Selangor Secretariat File 218/1930). Sehingga tahun 1931, seramai 305 orang lelaki dan 21 orang wanita Melayu di Selangor terlibat dalam sektor penanaman kelapa sama ada sebagai pemilik, pengurus mahupun pembantu di kebun kelapa (Vlieland, 1932:288).

Berdasarkan rekod permohonan tanah di Selangor, didapati purata keluasan tanah yang dimiliki oleh orang Melayu sekitar lima hingga 20 ekar. Walaupun mengusahakan tanaman kelapa secara kecil-kecilan, orang Melayu masih lagi memperoleh keuntungan. Hal ini diakui oleh Brown yang menyatakan bahawa:

Again, in district where there are fewer plantations or the plantations are situated within easy distance of the larger town, the nuts generally fetch from 5 to 6 cents on an average, while in places where the cultivation is small they can be sold at from 7 to 10 cents a piece, and in certain seasons even higher prices than these are not uncommon. These figures demonstrate pretty clearly that the cultivation of coconuts is a sound and profitable for the native community.

(Selangor Secretariat File 4384/1906)

Pada tahun 1909, harga jualan buah kelapa sekitar empat hingga lapan sen sebiji (Selangor Administration Report for the year 1909:7). Harganya menunjukkan peningkatan pada tahun 1915 iaitu \$9 bagi 100 biji buah kelapa atau sembilan sen sebiji (Report of the Director of Agriculture 1915:12). Menjelang tahun 1919, harga pasaran kelapa secara puratanya dijual pada harga 12 sen sebiji. Manakala bagi kawasan seperti Kuala Lumpur dan Kuala Kubu yang tidak begitu berkembang pesat dengan kegiatan penanaman kelapa, harga jualannya mencecah 25 sen sebiji (Report of the Director of Agriculture 1919:5). Dengan harga jualan sebiji buah kelapa yang dicatatkan ini membolehkan pengusaha meraih keuntungan kerana sebatang pokok kelapa mampu mengeluarkan buah sekurang-kurangnya 40 biji (Report of the Director of Agriculture 1911:10). Tambahan pula, di Kuala Selangor terdapat kilang memproses kelapa yang bergantung kepada bekalan dari Selangor dan negeri-negeri sekitarnya (Annual Report Federated Malay States 1898:5).

Selain mendapatkan tanah baharu, kecenderungan orang Melayu untuk terlibat dalam sektor penanaman kelapa dapat dilihat menerusi tindakan mereka memohon penukaran status tanah yang dimiliki. Dalam sektor pertanian, pihak kerajaan telah mengawal penggunaan tanah menerusi pengkelasan status tanah sama ada tanah padi, tanah kelapa atau tanah getah. Justeru setiap pemilik hanya dibenarkan untuk mengusahakan tanaman di atas tanah yang diberi hak milik berdasarkan kepada status tanah tersebut. Didapati orang Melayu telah mengambil langkah menukar status tanah mereka kepada tanah kelapa untuk terlibat dalam kegiatan penanaman

kelapa. Contohnya pada Mac 1929, Yusuf, Lebai Ishak dan 143 orang pesawah di Bagan Nakhoda membuat permohonan penukaran status tanah mereka daripada tanah padi kepada tanah kelapa untuk membolehkan mereka mengusahakan tanaman kelapa tanpa dikenakan sebarang tindakan (Selangor Secretariat File 1/1929). Begitu juga dengan Raja Allang bin Raja Brayuan yang diberi hak milik tanah seluas tujuh ekar di Kajang untuk menanam getah telah diberi kelulusan untuk beralih kepada tanaman kelapa (Selangor Secretariat File 4437/1913). Dasar British yang memberi galakan kepada orang Melayu untuk mengusahakan tanaman kelapa secara tidak langsung menyumbang kepada pertambahan tanah yang ditanam dengan kelapa. Didapati keluasan kebun kelapa (biasanya kurang 100 ekar) di Selangor yang diusahakan oleh pekebun kecil yang kebanyakannya terdiri dalam kalangan orang Melayu jauh lebih besar berbanding ladang kelapa (biasanya melebihi 100 ekar) milik pemodal asing. Antara tahun 1934 hingga 1940, tidak kurang daripada 72,000 ekar kebun kelapa telah diusahakan berbanding hanya 37,000 ekar ladang kelapa di Selangor (Malayan Agricultural Statistics, 1940).

KESAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA TERHADAP ORANG MELAYU DALAM SEKTOR PENANAMAN KELAPA

Kemelesetan ekonomi dunia sekitar tahun 1929 hingga 1935 telah memberi kesan langsung kepada negara-negara pengeksport bahan mentah berikutan kejatuhan harga pasarannya secara mendadak. Sebagai pengeluar utama bagi beberapa komoditi eksport berasaskan pertanian, kemelesetan ekonomi dunia turut mempengaruhi perkembangan sektor ekonomi di Tanah Melayu. Selain getah, didapati sektor penanaman kelapa juga terjejas teruk. Hal ini disebabkan kedudukan Tanah Melayu yang merupakan antara pengeluar utama bagi beberapa produk kelapa di pasaran antarabangsa selain Indonesia dan Filipina. Di samping pemodal asing, masalah ini turut dirasai oleh orang Melayu yang terlibat secara aktif dalam kegiatan penanaman kelapa.

Sejak berlakunya kemelesetan ekonomi dunia, didapati harga pasaran kelapa kering dan minyak kelapa mengalami kejatuhan. Pada tahun 1929, harga kelapa kering di pasaran Singapura berada pada paras \$9.00 sepikul (Annual Report of Federated Malay States 1929:17). Menjelang tahun 1933, harganya menunjukkan penurunan kepada \$3.89 sepikul sebelum merosot kepada \$2.94 sepikul pada tahun berikutnya sekali gus menjadikannya harga terendah yang pernah dicatatkan sejak tahun 1905 (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States 1934:32). Kejatuhan harga pasaran kelapa kering telah menjejaskan sumber pendapatan orang Melayu yang berperanan sebagai pembekal buah kelapa kepada pengusaha kilang. Serentak dengan kejatuhan harga kelapa kering, harga jualan buah kelapa juga turut merosot. Pengusaha-pengusaha kilang di NNMB yang memproses produk kelapa tidak lagi membeli buah kelapa dengan harga yang tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sebagai contoh, harga jualan buah kelapa sekitar awal abad ke-20 mencecah sehingga lapan sen sebiji (Selangor Administration Report, 1909:7). Namun semasa zaman kemelesetan ekonomi dunia, harganya merosot kepada dua sen sebiji (Selangor Secretariat File 1290/30).

Masalah yang dihadapi mendorong orang Melayu membuat aduan kepada pihak kerajaan untuk membantu menyelesaikannya. Hal ini dapat dilihat menerusi surat aduan yang dikemukakan oleh Abdul Aziz bersama-sama dengan pengusaha tanaman kelapa di Jeram, Kuala Selangor yang menyatakan:

“Maka adalah halnya hamba tuan sebutkan di dalam surat permintaan hamba tuan sekalian ini ialah halnya

fasal hal kesusahan di dalam mukim Jeram ini, kerana sebab hamba tuan sekalian masing-masing ada mempunyai kebun kelapa dan beberapa lamanya pada peringatan hamba tuan sekalian di dalam mukim Jeram ini tiadalah biasa menanggung kesusahan yang lebih melainkan bolehlah juga mendapatkan kesenangan dan jalan kehidupan bagi orang-orang yang miskin apatah lagi orang yang kaya-kaya itu lebihlah mendapat kesenangannya kerana pada peringatan hamba tuan sekalian pada masa yang telah lalu itu adalah lebih dan tinggi darihal harga buah kelapa itu sedikit, oleh yang demikian itulah boleh mendapat kelapangan kepada sekalian orang-orang miskin dan kaya, maka pada masa ini hamba tuan sekalian di dalam mukim Jeram ini atas mencari jalan kehidupan orang miskin dan orang kaya pun sama juga mendapat kesusahan kerana buah kelapa pun telah jatuh harganya...pada masa ini harga buah kelapa dua bijik 3 sen setinggi-tingginya 2 sen sahaja pada sebijik, oleh yang demikian itulah hamba tuan yang hina ini sekalian menghantar surat permintaan ini ke bawah kaus tuan hamba yang mulia akan meminta belas kasihan pertolongan dan mashwarat timbangan yang patut darihal buah kelapa ini boleh dapat harga yang tinggi sedikit. Maka beberapa banyak pengharapan hamba tuan yang hina ini sekalian akan mendapat pertolongan dan mashwarat timbangan yang patut seperti yang hamba tuan sebutkan di dalam surat permintaan hamba tuan sekalian ini. Tiada-lah lain, hal inilah sahaja.

(Selangor Secretariat File 1290/30)

Walau bagaimanapun, sukar bagi pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut kerana harga kelapa sebagai komoditi eksport bergantung sepenuhnya kepada keadaan pasaran antarabangsa. Keadaan ini berbeza dengan komoditi getah dan bijih timah kerana terdapat perjanjian yang ditandatangani dalam kalangan negara-negara pengeluar untuk menstabilkan harga komoditi tersebut dengan mengawal kuota pengeluarannya. Sebaliknya untuk tanaman kelapa, tiada perjanjian yang dibuat di peringkat antarabangsa melibatkan negara-negara pengeluar sekali gus sukar untuk memulihkan kembali harga jualan kelapa. Malah setelah masalah kemelesetan ekonomi dunia beransur pulih menjelang tahun 1935, didapati harga jualan kelapa di pasaran Singapura masih lagi berada di tahap yang rendah. Pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan seperti menggalakkan penggunaan kelapa di peringkat domestik, mengurangkan cukai tanah dan menghapuskan duti eksport kelapa kering seperti yang dilakukan di Ceylon (Selangor Secretariat File 658/1935). Walau bagaimanapun langkah tersebut dilihat tidak membawa sebarang perubahan kepada harga pasaran kelapa. Didapati harga pasaran kelapa kering pada tahun 1935 sekitar \$4.53 sepikul (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States 1935:32). Didapati harganya kembali menunjukkan penurunan kepada \$3.53 sepikul pada tahun 1938 dan memasuki tahun 1940 harga pasaran kelapa kering menurun kepada \$3.08 sepikul (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States 1938:25; Malayan Agricultural Statistics, 1940).

Bagi membantu pekebun kecil yang rata-rata terdiri dalam kalangan orang Melayu, pihak British mengambil langkah dengan menggalakkan mereka supaya terlibat dalam penghasilan produk berasaskan kelapa. Dengan kata lain, orang Melayu tidak hanya menjadi pekebun kecil kelapa sahaja sebaliknya mula terlibat dalam sektor perindustrian secara kecil-kecilan. Justeru, pihak British menerusi jabatan pertanian dan Pusat Penyelidikan Kelapa telah mengenal pasti langkah yang perlu diambil untuk membolehkan orang Melayu terlibat dalam sektor industri kelapa. Satu strategi utama yang telah dilaksanakan oleh pihak British ialah dengan menggalakkan orang Melayu menghasilkan sendiri kelapa kering berbanding menjual buah kelapa kepada orang tengah.

KEMUNCULAN USAHAWAN MELAYU DALAM INDUSTRI KELAPA

Walaupun kemelesetan ekonomi dunia telah menjejaskan kedudukan orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa, namun dari satu sudut yang lain ia telah menjadi titik permulaan yang penting kepada perkembangan sosioekonomi mereka. Di sebalik masalah yang dihadapi telah membuka peluang kepada orang Melayu untuk mempelbagaikan lagi kegiatan mereka dengan terlibat dalam kegiatan memproses kelapa. Orang Melayu tidak hanya berperanan sebagai pekebun dan penjual buah kelapa semata-mata tetapi telah muncul sebagai usahawan dalam industri berskala kecil yang berasaskan kelapa (Annual Report of the Agriculture Field Officer, Selangor 1932:53). Keadaan ini secara tidak langsung membantu memulihkan semula sumber pendapatan mereka.

Masalah kejatuhan harga kelapa yang menjejaskan sumber pendapatan orang Melayu telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Menerusi Jabatan Pertanian, satu penyiasatan telah dijalankan untuk mengenal pasti langkah terbaik bagi membantu memulihkan kedudukan ekonomi orang Melayu dalam sektor penanaman kelapa. Hasilnya satu laporan telah dibuat oleh F.C. Cooke dan H.J. Simpson yang mencadangkan supaya orang Melayu menceburkan diri dalam kegiatan memproses kelapa untuk dijadikan kelapa kering atau minyak kelapa (Selangor Secretariat File 1281/32). Hal ini demikian kerana pendapatan yang diperoleh menerusi penjualan produk kelapa lebih tinggi berbanding menjual buah kepada kepada tauke-tauke Cina dan pemilik kilang. Secara umumnya, harga jualan kelapa kering sekitar \$3.60 hingga \$5.25 sepikul berbanding harga jualan 100 biji kelapa hanya \$0.80 hingga \$2.20 (Annual Report of the Agriculture Field Officer, Selangor for the year 1932:53). Sedangkan 100 biji buah kelapa boleh digunakan untuk menghasilkan sepikul kelapa kering.

Sebagaimana yang dicadangkan oleh Cooke dan Simpson, pihak kerajaan mula menggalakkan orang Melayu untuk terlibat dalam kegiatan memproses kelapa. Bagi memudahkan lagi orang Melayu untuk terlibat dalam kegiatan memproses kelapa, Jabatan Pertanian menerusi Bahagian Penyelidikan Kopra mengambil langkah membantu orang Melayu membina tanur dan memberi tunjuk ajar kepada mereka cara-cara untuk menghasilkan kelapa kering bermutu tinggi dengan menggunakan kaedah yang paling efektif dan ekonomik (Cooke 1932:72). Pusat Penyelidikan Kelapa di Klang dijadikan pusat latihan yang memberi tunjuk ajar kepada orang Melayu berkenaan proses penghasilan kelapa kering. Para peserta yang terlibat menjalani latihan selama seminggu selain mengikuti lawatan ke kilang memproses minyak kelapa dan kebun-kebun kelapa di sekitar Kuala Selangor (Annual Report Copra Research 1933:31). Di samping itu, pihak kerajaan mengambil langkah membina dua buah tanur di Jeram untuk memudahkan pengusaha tanaman kelapa di sekitarnya mempelajari cara-cara memproses kelapa kering (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1936:36).

Tidak cukup dengan itu, Bahagian Penyelidikan Kopra sentiasa membuat penyelidikan untuk mengenal pasti reka bentuk tanur (tempat menyalai kelapa) yang mampu menghasilkan kelapa kering bermutu tinggi tanpa melibatkan belanja yang besar. Hal ini demikian kerana tanur yang dimiliki oleh orang Melayu dibina secara ringkas untuk mengurangkan kos pembinaan sekali gus hanya mampu menghasilkan kelapa kering bermutu rendah. Kebanyakan tanur yang dibina secara terbuka dan tidak dikelilingi dinding. Reka bentuk ini menyebabkan proses menyalai kelapa sentiasa terdedah dengan tiupan angin dari luar yang menjejaskan tahap kepanasannya sekali gus mengambil masa lima hari untuk menghasilkan kelapa kering. Pada masa yang sama, penggunaan bahan bakar juga meningkat hingga 120 peratus hingga 200 peratus (Annual Report Copra Research 1932:23). Justeru Bahagian Penyelidikan Kopra memperkenalkan reka bentuk tanur

yang lebih baik menggunakan batu bata dan disimen tanpa melibatkan kos pembinaan yang tinggi supaya orang Melayu dapat membinanya dan menghasilkan kelapa kering yang bermutu. Beberapa sampel tanah liat juga telah diuji untuk memastikan kesesuaiannya dijadikan lapisan pada dinding tanur (Annual Report Copra Research 1932:21). Reka bentuk tanur yang dikelilingi dinding menjadi penghalang kepada tiupan angin dari luar dan dilengkapi lubang kecil untuk memastikan pengaliran udara di dalam tanur serta asap yang terhasil semasa proses pembakaran dapat dikeluarkan. Menerusi reka bentuk ini, proses menyalai kelapa hanya memerlukan bahan bakar antara 44 hingga 55 peratus di samping tempoh masa yang lebih singkat iaitu hanya tiga hari sahaja (Annual Report Copra Research 1932:23). Keadaan ini membolehkan pengusaha mengurangkan perbelanjaan bahan bakar selain menjana pendapatan yang lebih tinggi kerana kelapa kering yang terhasil adalah dari gred yang tinggi.

Tanur-tanur yang dimiliki oleh orang Melayu telah dinaik taraf mengikut struktur binaan yang ditetapkan oleh Bahagian Penyelidikan Kopra. Di Kuala Selangor terdapat 140 buah tanur telah dibina dan dua daripadanya dinaik taraf dengan menggunakan batu bata (Selangor Administration Report 1931:13). Bagi memastikan pemilik tanur menghasilkan kelapa kering yang berkualiti, Jabatan Pertanian mengadakan latihan di Pusat Penyelidikan Kelapa di Klang yang memberi tunjuk ajar mengenai proses penghasilan kelapa kering (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1936:36). Selain Kuala Selangor, inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan turut mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dalam kalangan orang Melayu terutamanya di kawasan pesisir pantai untuk turut sama terlibat dalam kegiatan memproses kelapa menerusi pembinaan tanur mereka sendiri. Misalnya di Jeram, penglibatan orang Melayu dalam kegiatan penghasilan kelapa kering menunjukkan perkembangan. Hal ini dapat dinilai menerusi bilangan tanur yang dimiliki oleh orang Melayu mencatatkan peningkatan daripada enam buah tanur pada tahun 1930 kepada 35 buah tanur dalam tempoh setahun berikutnya (Selangor Secretariat File 1281/32). Manakala di Kuala Langat, didapati bilangan tanur yang dimiliki oleh orang Melayu menunjukkan peningkatan daripada 40 buah pada Disember 1932 kepada 80 buah menjelang Disember 1933 (Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor 1933:70).

Terdapat dua jenis kelapa kering yang dihasilkan oleh orang Melayu. Pertama, kelapa kering gred tinggi yang mengambil masa tempoh menyalai selama 72 jam untuk dihasilkan dengan menggunakan tanur yang dirangka oleh Bahagian Penyelidikan Kopra. Didapati kelapa kering yang dihasilkan mempunyai kualiti yang sama seperti di Ceylon (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1932:18). Keadaan ini telah menarik minat pengusaha Eropah untuk membeli kelapa kering yang dihasilkan oleh orang Melayu sebelum dieksport ke pasaran antarabangsa (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1934:21). Manakala kelapa kering gred rendah pula hanya mengambil masa menyalai kurang daripada 24 jam dengan menggunakan tanur yang ringkas. Di daerah yang berkembang pesat dengan kegiatan penanaman kelapa iaitu Kuala Selangor, Kuala Langat, Klang dan Sabak Bernam, industri penghasilan kelapa kering ternyata menjadi sektor ekonomi yang menguntungkan buat orang Melayu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi pemilikan bilangan tanur, penghasilan kelapa kering dan pendapatan yang diperoleh menerusi penjualannya. Pada tahun 1933, pemilikan tanur dalam kalangan orang Melayu di Kuala Selangor mencecah 446 buah yang melibatkan penghasilan kelapa kering sebanyak 6,947 pikul. Keadaan ini ternyata memberi keuntungan kepada orang Melayu kerana harga jualan kelapa kering sekitar \$3.12 sepikul (Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor 1933:77). Manakala di Sabak Bernam pula, terdapat 175 buah tanur yang dimiliki oleh orang Melayu dengan penghasilan kelapa kering

sebanyak 5,000 pikul yang dijual pada kadar \$2.95 sepikul (Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor 1933:77). Selain itu, terdapat sebuah kilang kecil yang dibina melibatkan kerjasama seramai 15 orang pengusaha yang mampu memperoleh pendapatan bulanan sehingga \$76.88 (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1933:19). Sementara itu di Kuala Langat, 81 buah tanur milik orang Melayu mencatatkan penghasilan kelapa kering sebanyak 1,500 pikul yang dijual dengan harga \$3.03 sepikul. Ternyata hasil yang diperoleh menerusi penjualan kelapa kering lebih menguntungkan orang Melayu berbanding harga jualan 100 biji buah yang dijual sekitar 0.87 sen hingga \$1.13 (Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor 1933:77). Menjelang tahun 1937, harga jualan kelapa kering di Selangor kira-kira \$4.80 sepikul manakala harga bagi 100 biji buah kelapa pula hanya \$1.20 hingga \$1.70 (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1937:33-34). Sememangnya harga pasaran kelapa kering sepanjang tahun 1930-an jauh lebih rendah daripada tahun-tahun sebelumnya. Namun setidak-tidaknya bagi orang Melayu, mereka mampu meningkatkan sumber pendapatan menerusi penjualan kelapa kering berbanding hanya menjual buah kelapa seperti yang dilakukan sebelum tahun 1930-an.

JADUAL 1. Eksport Kelapa Kering dari Selangor, 1924-1940

Tahun	Tan
1924	12,900
1925	15,426
1926	16,963
1927	14,121
1928	20,147
1929	20,937
1930	22,714
1931	23,683
1932	26,655
1933	32,489
1934	25,854
1935	32,185
1936	31,881
1937	28,210
1938	29,929
1939	27,503
1940	27,317

Sumber: Malayan Agricultural Statistics, 1940

Selain kelapa kering, terdapat juga orang Melayu yang terlibat dengan kegiatan memproses minyak kelapa. Menerusi penjualan minyak kelapa membolehkan orang Melayu memperoleh pendapatan yang lebih baik berbanding buah kelapa. Berbeza dengan 100 biji buah kelapa yang dijual pada harga \$1.00, harga minyak kelapa sekitar \$1.26 sekati. Dengan menggunakan 100 biji buah kelapa, pengusaha boleh menghasilkan 16 hingga 18 kati minyak kelapa dengan harga jualan antara \$1.75 hingga \$2 (Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor 1933:72). Perbezaan harga ini menyebabkan beberapa pengusaha tanaman kelapa secara kecil-kecilan terutamanya di Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Kuala Langat mula menghasilkan minyak kelapa (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1932:18.). Misalnya di Sabak Bernam dan Kuala Langat, minyak kelapa yang kebanyakannya diusahakan oleh orang Jawa dijual pada harga 11 hingga 12 sen sekati (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1933:19). Manakala di Kuala Selangor, harga jualannya mencecah sehingga 21 sen sekati (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1934:22).

Kemajuan orang Melayu sebagai usahawan tidak hanya tertumpu dalam penghasilan produk untuk dieksport tetapi turut melibatkan beberapa produk lain untuk pasaran domestik. Contohnya orang Melayu di Kapar, Sementa dan Kuala Selangor terlibat dalam menghasilkan penyapu lidi. Dengan bantuan Pegawai Daerah Kuala Selangor, mereka telah diberi kontrak untuk membekalkan penyapu lidi kepada Lembaga Kebersihan Kuala Lumpur (Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1935:23; Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1936:36). Pada tahun 1935, sebanyak 4,800 unit penyapu lidi telah dijual kepada Lembaga Kesihatan dengan harga empat sen setiap satu penyapu lidi (Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor 1935:41). Pihak kerajaan juga mengambil inisiatif dengan mempromosikan produk-produk berasaskan kelapa yang dihasilkan oleh penduduk tempatan seperti cuka kelapa dan gula kelapa di *Agricultural Show* dan *Annual Malayan Exhibition*. Usaha ini secara tidak langsung memberi galakan kepada orang Melayu untuk terus menghasilkan produk-produk tersebut sekali gus menjadikannya sebagai satu industri kecil yang menambah sumber pendapatan mereka (Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor 1935:41). Dengan kata lain, pihak British berusaha untuk memastikan orang Melayu dapat mempelbagaikan lagi produk berasaskan kelapa bagi mengimbangi kejatuhan harga jualan kelapa di pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang dibuat, jelas menunjukkan taraf ekonomi orang Melayu yang terlibat dalam kegiatan penanaman kelapa yang merupakan sektor pertanian komersial mengalami perkembangan. Walaupun berhadapan dengan masalah kemelesetan ekonomi dunia yang telah menjejaskan sumber pendapatan mereka, namun dari satu sudut yang lain ia telah membuka ruang kepada orang Melayu untuk mempelbagaikan lagi kegiatan dengan terlibat dalam sektor industri berskala kecil. Hasilnya orang Melayu tidak hanya berperanan sebagai penanam dan penjual buah kelapa semata-mata tetapi berjaya menjadi usahawan yang menghasilkan pelbagai produk berasaskan kelapa seterusnya membantu menambah sumber pendapatan mereka. Dasar pihak kerajaan dalam memberikan hak milik tanah kepada orang Melayu tidak hanya membolehkan mereka meneruskan kegiatan penanaman kelapa malah memberi peluang untuk terlibat secara aktif dalam sektor ekonomi komersial. Malah peranan pihak kerajaan dalam memberi bantuan menerusi pembinaan tanur dan tunjuk ajar cara menghasilkan produk berasaskan kelapa memberi pendedahan yang sangat penting kepada orang Melayu untuk melibatkan diri dalam kegiatan memproses kelapa sehingga menjadikan mereka sebagai usahawan. Oleh itu, pencapaian yang ditunjukkan oleh orang Melayu di Selangor yang terlibat dalam sektor penanaman kelapa memberi perspektif baharu dan signifikan dalam menilai kemajuan ekonomi mereka meskipun dalam kerangka ekonomi yang dikuasai oleh pemodal asing.

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada penilai artikel yang telah memberikan cadangan untuk penambahbaikan artikel ini.

RUJUKAN

- Ahmad Nazri Abdullah. 1985. *Melayu dan Tanah*. Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Anderson, J. 1965. *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlement in the Straits of Malacca*, Singapore: MBRAS.
- Annual Report Copra Research for the year 1932.
- Annual Report Copra Research for the year 1933.
- Annual Report Federated Malay States, 1898.
- Annual Report of Federated Malay States for 1929.
- Annual Report of the Agriculture Field Officer, Selangor for the year 1932.
- Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor for the year 1933.
- Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor for the year 1935.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1934.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1935.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1938.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1932.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1933.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1934.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1935.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1936.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor 1937.
- Barlow, C. *The Natural Rubber Industry, Its Development, Technology and Economy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.
- Brown, L.C. 1908. Coconut Cultivation, dalam Arnold Wright (ed.), *Twentieth Century Impression of British Malaya: Its History, People, Commerce, Industries and Resources*, London: Lloyd's Greater Britain Publishing Company Ltd: 503-504.
- Cooke, F.C. *Investigations on Coconuts and Coconut Products*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, 1932.
- Drabble, J.H. *Rubber in Malaya, 1876-1922: The Genesis of The Industry*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1973.
- Enactment No 2 of 1915 The Rice Lands Enactment 1917.
- Gullick, J.M. 1987. *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginning of Change*, Singapore: Oxford University Press.
- Gullick, J.M. 2008. Economy Recovery in the Selangor River Valley in the Late Nineteenth Century. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 81, Part 1: 83-98.
- Hill, R.D. 2012. *Rice in Malaya*, Singapore: National University of Singapore Press.
- Kaur, Amarjit. 1992. "Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah", dalam Adnan Haji Nawang (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah.
- Khairi Ariffin, Ramli Saadon dan Tuan Waheda Tuan Chik. 2019. Perladangan Komersial Di Daerah Hilir Perak Pada Era Kolonial British, 1900-1057. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46, No. 1: 58-78.

- Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.
- Malayan Agricultural Statistics, 1940.
- Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States, 1917.
- Report of the Director of Agriculture for the year 1911.
- Report of the Director of Agriculture for the year 1915.
- Report of the Director of Agriculture for the year 1919.
- Selangor Administration Report for the year 1909.
- Selangor Administration Report for the year 1931.
- Selangor Secretariat File 1/1929, Application for conversion of the condition of their lands in Bagan Nakhoda Omar Mukim from padi to coconut.
- Selangor Secretariat File 218/1930, Application from Yacob bin Ismail for 5.062 acres of land in Ujong Permatang Mukim for coconut cultivation.
- Selangor Secretariat File 466/1929, Application by Haji Mukti bin Salaman for 5 acres of land in Tanjung Duablas Mukim for coconuts and coffee plantation.
- Selangor Secretariat File 658/1935, Coconut Exhibition, 26 August 1935.
- Selangor Secretariat File 1281/32, Copra Production of the Malay Smallholder, 26 May 1932.
- Selangor Secretariat File 1290/30, Complaint: Fall in coconut prices.
- Selangor Secretariat File 1765/1932, Report on District Economics Boards Meeting, 1932.
- Selangor Secretariat File 3498/1903, Haji Ali bin Katab Application for land at Ulu Yam for coconut plantation.
- Selangor Secretariat File 4384/1906, Annual Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1905.
- Selangor Secretariat File 4437/1913, Raja Allang's land at Kajang Mukim exchange rubber condition to coconut.
- Selangor Secretariat File 4632/1926, Application by Haji Jemaat bin Haji Aris and 89 orther for 450 acres of State Land in Mukim Tanjong Karang for padi and coconut cultivation.
- Selangor Secretariat File 4057/1902, Federal Inspector under the Coconut Tree Preservation Enactment 1898: Appointment of Mr. L.C. Brown, 10 September 1902.
- Ooi Jin Bee. 1961. The Rubber Industry of the Federation of Malaya. *Journal of Tropical Geography*, Vol. 15.
- Vlieland, C.A. 1932. *British Malaya: A Report on the 1931 Cencus and on Certain Problems of Vital Statistics*. London: Crown Agents for the Colonies.
- Zalikha Bahari. 2016. Reaksi dan Kesan Terhadap Perkembangan Industri Kelapa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) 1902-1941. *Journal of Human Development and Communication*, Vol. 5: 141-162.
- Zulkanain Abdul Rahman dan Ahmad Kamal Ariffin. 2012. Penanaman Kelapa di Perak dan Selangor, 1900-1940, dalam Zulkanain Abdul Rahman (eds.), *Dastar Pendeta*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya: 473-482.

Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli (Penulis koresponden)

Bahagian Sejarah

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Emel: khairulanuarrosli@usm.my

Zulkanain Abdul Rahman

Jabatan Sejarah

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Emel: zulkana@um.edu.my

Norasmahani Hussain

Bahagian Sejarah

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Emel: norasmahani@usm.my